

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

AOP 402 - Pengurusan Perbandingan

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. (a) Berikan definisi kebudayaan dan cuba bezakan di antara sikap, nilai dan kepercayaan.

[10 markah]

- (b) Senaraikan dimensi kebudayaan kecil (subculture) yang boleh menyebabkan perbezaan di dalam sesuatu kebudayaan. Jelaskan tiap-tiap satu dimensi tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang berkaitan.

[10 markah]

2. Jelaskan teori mercantilisme (mercantilism), teori kelebihan sepenuh (absolute advantage) dan teori kelebihan perbandingan (comparative advantage). Jika perlu gunakan contoh-contoh yang telah dipelajari di dalam kelas.

[20 markah]

...2/-

3. (a) Jelaskan pendekatan-pendekatan pengurusan/membuat keputusan ini yang boleh digunakan oleh Perbadanan Perniagaan Multinasional (MNC).

- (i) Geosentrik.
- (ii) Regiosentrik.
- (iii) Polisentrik.
- (iv) Etnosentrik.

[10 markah]

(b) Nyatakan faktor-faktor yang boleh menentukan sama ada sesebuah organisasi harus menggunakan pendekatan bersekutu/berpiawai (unified/standardized) dan juga faktor-faktor bagi pendekatan pemecahan/penyesuaian (fragmented/adaptation).

[10 markah]

4. (a) Bincangkan keenam-enam isu yang menyentuh tentang sikap yang boleh mengubah tingkah laku individu dan sikapnya di dalam situasi kerja antara budaya.

[12 markah]

(b) Apakah sumber-sumber yang boleh digunakan oleh Perbadanan Perniagaan Multinasional bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu negara tuan rumah (host). Gunakan Malaysia sebagai contoh anda.

[8 markah]

5. Andaikan anda mewakili sebuah organisasi besar yang ingin melabur ke Malaysia. Organisasi anda ingin memajukan satu kawasan hutan berhampir Genting Highlands untuk membina satu kawasan sukaria ala "Disneyland" cukup dengan hotel-hotel dan kasino. Modal pelaburan dianggarkan lebih dari \$4 bilion.

(a) Nyatakan kebaikan-kebaikan yang anda akan mengutarakan kepada pemimpin dan rakyat Malaysia hasil dari pelaburan organisasi anda.

...3/-

- (b) Sekiranya anda pemimpin atau kumpulan yang menentang cadangan pelaburan tersebut apakah kenyataan yang akan diusulkan oleh anda?

[20 markah]

6. (a) Huraikan kitarhayat produk antarabangsa (international product life cycle) dan berikan contoh-contoh yang berkaitan bagi setiap peringkat.

[10 markah]

- (b) Terangkan cara-cara bagaimana sebuah syarikat memasuki sesuatu pasaran Antarabangsa.

[10 markah]

7. (a) Jelaskan ketiga-tiga pendekatan terhadap pengurusan perbandingan yang disenaraikan oleh Robinson (1978).

[10 markah]

- (b) Terangkan makna istilah-istilah berikut:

- (i) Kebudayaan perniagaan.
- (ii) Kebudayaan korporat.
- (iii) Kebudayaan relativisme (cultural relativism).
- (iv) Dunia kelima (fifth world).

[10 markah]

0000000000